

EK

ECONEWS

USAHAWAN INDIA DIGESA KEMUKAKAN TENDER UNTUK PROJEK LEBUHRAYA DI MSIA
Daripada Salbiah Said

NEW DELHI, 14 Dis (Bernama) -- Malaysia menawarkan pengusaha India peluang mengemukakan tender bagi projek infrastruktur, terutamanya pembinaan lebuhraya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Malaysia, yang telah berjaya menceburi program penswastaan, juga mengalu-alukan pertukaran pengalaman dan pengetahuan mengenai penswastaan antara kerajaan Malaysia dan India dan sektor swasta yang terlibat, katanya semasa dialog perniagaan di sini.

Katanya Malaysia herbangga dengan kejayaan usaha-usaha penswastaan, tetapi mengakui melakukan beberapa kesilapan. "Akhirnya, kami menemui formula yang baik, mula-mula menswastakan jabatan kerajaan dan membiarkan mereka melakukan tugas mereka."

Selepas pensyarikatan, kerajaan mula menjual saham tetapi secara beransur-ansur kerana nilai saham sering meningkat. "Jika kerajaan melepaskan 100 peratus kemudiannya, kita tidak akan menerima satu sen pun daripada faedah itu." tambahnya.

Kerajaan, katanya, juga membenarkan pegawai kanan kerajaan yang mempunyai sikap yang betul untuk menjalankan syarikat-syarikat ini dan menyebut Telekom Malaysia Bhd dan Tenaga Nasional Bhd sebagai contoh yang baik.

Dr Mahathir berkata, syarikat-syarikat besar yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, mengandungi syarikat-syarikat kuasa dan kemudahan, yang menerima harga tertinggi. -- Bernama